



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكرى ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125.Jld.2(43)

Tarikh : 20 Disember 2019

Bersamaan : 23 Rabiulakhir 1441H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka
(*Seperti Senarai Edaran*)

YB Datuk / Tuan / Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.09 TAHUN 2019: TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. TUJUAN

Surat arahan operasi ini adalah bertujuan untuk memaklumkan:-

2.1 Tarikh- tarikh pembayaran gaji bulanan bagi Tahun 2020: dan

2.1 Peraturan –peraturan yang perlu dipatuhi oleh Jabatan / Pusat Tanggungjawab bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan gaji dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.

3. TARIKH – TARIKH PEMBAYARAN GAJI

Tarikh-tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2020 adalah seperti di Lampiran A dan ianya berdasarkan Arahan Perbendaharaan Perkara 105.

4. PERATURAN PEMBAYARAN GAJI

4.1 Bayaran Gaji Melalui Sistem Gaji Berkomputer

Untuk memastikan Pejabat Perbendaharaan Negeri dapat membuat pembayaran gaji mengikut tarikh yang ditetapkan, Jabatan / Pusat Tanggungjawab dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut:-

a) Menghantar Borang Perubahan Gaji (Kew 320) mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri bagi mengelakkan sebarang kelewatan. Sila rujuk Lampiran B iaitu jadual penghantaran Borang Perubahan Gaji (Kew.320) melalui Sistem SPEKS ke Perbendaharaan Negeri Melaka.



- b) Menyemak maklumat di dalam Fail Induk Gaji dan mengambil tindakan serta merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu. Kesilapan yang perlu diperbetulkan dalam Fail Induk Gaji termasuk butir-butir peribadi, nombor akaun bank, tarikh lantikan, tangga gaji dan nombor rujukan potongan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Cukai Pendapatan dan sebagainya.
- c) Semua arahan bagi membuat potongan gaji hendaklah lengkap seperti nama, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan akaun potongan. Kesilapan dan kegagalan mengemukakan maklumat tersebut mengakibatkan potongan gaji tidak dapat dikreditkan ke akaun yang betul.
- d) Sebarang pertukaran akaun bank hendaklah dibuat melalui Borang Perubahan Gaji (Kew.320) dan disokong dengan salinan buku bank atau penyata akaun sahaja. Ia bertujuan bagi mengelakkan berlakunya kesilapan memasukkan nombor akaun yang salah ke dalam sistem *payroll* dan juga mengakibatkan gaji tidak dapat dikreditkan ke akaun sebenar penerima pada tarikh gaji patut diterima.
- e) Jabatan juga perlu memasukkan data ke dalam Sistem Gaji Berkomputer melalui Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) bagi semua kakitangan baru, kakitangan yang bertukar jabatan dan kakitangan kontrak pada bulan kemasukan kakitangan ke jabatan tersebut dengan segera. Sekiranya berlaku kelewatan untuk memasukkan data selepas tarikh penghantaran Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) ke Perbendaharaan Negeri, perubahan tersebut hendaklah dilakukan pada bulan berikutnya. Ia bagi mengurangkan pembayaran gaji melalui baucer berasingan.

4.2 **Pembayaran Gaji Bagi Pekerja Bergaji Hari**

- a) Baucer bayaran bagi pekerja yang menerima gaji harian, hendaklah dihantar pada 1 haribulan pada bulan berikutnya atau hari pertama bekerja selepas akhir bulan jika 1 haribulan itu adalah hari minggu atau hari cuti atau selewat-lewatnya minggu pertama bulan berikutnya.

5. PENUTUP

- 5.1 Semua jabatan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan seperti di perenggan 4 agar pembayaran gaji dapat dilaksanakan dengan sempurna pada tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian terima kasih.

**"MELAKA BERWIBAWA"
"PINTAR, HIJAU, BERSIH"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(NORIFAH BINTI NORDIN)
Bendahari Negeri,
MELAKA.

LAMPIRAN A**TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2020**

| BULAN | TARIKH | HARI | CATATAN |
|--------------|---------------|-------------|--|
| Januari | 16.01.2020 | Khamis | Tahun Baru Cina 25 & 26 Januari 2020 (Sabtu & Ahad) |
| Februari | 21.02.2020 | Jumaat | |
| Mac | 25.03.2020 | Rabu | |
| April | 23.04.2020 | Khamis | |
| Mei | 14.05.2020 | Khamis | Hari Raya Puasa 24 & 25 Mei 2020 (Ahad & Isnin) Hari Pesta Keamatan 30 & 31 Mei 2020 (Sabtu & Ahad) |
| Jun | 22.06.2020 | Isnin | Hari Gawai 1 & 2 Jun 2020 (Isnin & Selasa) |
| Julai | 23.07.2020 | Khamis | Hari Raya Haji 31 Julai & 1 Ogos 2020 (Jumaat & Sabtu) |
| Ogos | 25.08.2020 | Selasa | |
| September | 24.09.2020 | Khamis | |
| Oktober | 23.10.2020 | Jumaat | |
| November | 25.11.2020 | Rabu | Hari Deepavali 14 November 2020 (Sabtu) |
| Disember | 17.12.2020 | Khamis | Hari Krismas 25 Disember 2020 (Jumaat) |

LAMPIRAN B**JADUAL BAGI TARIKH AKHIR KUNCI MASUK BORANG PERUBAHAN GAJI (KEW.320)
DAN TARIKH GAJI DIBAYAR MELALUI SPEKS : BAYARAN GAJI TAHUN 2020**

| BULAN | TARIKH AKHIR KUNCI MASUK KEW.320 | TARIKH GAJI | HARI |
|--------------|---|--------------------|-------------|
| Januari | 06.01.2020 (Isnin) | 16.01.2020 | Khamis |
| Februari | 07.02.2020 (Jumaat) | 21.02.2020 | Jumaat |
| Mac | 09.03.2020 (Isnin) | 25.03.2020 | Rabu |
| April | 08.04.2020 (Rabu) | 23.04.2020 | Khamis |
| Mei | 30.04.2020 (Khamis) | 14.05.2020 | Khamis |
| Jun | 05.06.2020 (Jumaat) | 22.06.2020 | Isnin |
| Julai | 06.07.2020 (Isnin) | 23.07.2020 | Khamis |
| Ogos | 07.08.2020 (Jumaat) | 25.08.2020 | Selasa |
| September | 08.09.2020 (Rabu) | 24.09.2020 | Khamis |
| Oktober | 07.10.2020 (Rabu) | 23.10.2020 | Jumaat |
| November | 09.11.2020 (Isnin) | 25.11.2020 | Rabu |
| Disember | 04.12.2020 (Jumaat) | 17.12.2020 | Khamis |

